


ZAKARIAH mengetuai bacaan doa selepas selesai menunaikan solat hajat dan bacaan Yasin anjuran MPB di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



KIRA-kira 50 ahli keluarga penumpang MH370 dan petugasnya menghadiri bacaan Yasin, solat hajat dan doa selamat di hotel penginapan mereka di Putrajaya, malam tadi.

JEMAAH mengaminkan doa yang dibacakan Zakariah

TITIP DOA BUAT MH370

Umat Islam di Malaysia diminta terus bermunajat untuk keselamatan penumpang, kru



Kuala Lumpur

Ketika pihak berkuasa bertungkus-lumus meningkatkan usaha secara teknikal, setiap rakyat Malaysia disaran membantu secara spiritual bagi mengesan pesawat penerbangan MH370 yang hilang sejak seminggu lalu.

Bagi umat Islam, menjadi kewajipan untuk terus bermunajat kepada Allah SWT agar pesawat penerbangan MH370 ditemui dan semua kru serta penumpangnya selamat.

Sehubungan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom semalam menyeru semua masjid mendirikan solat hajat selepas solat Jumaat hari ini, selain mengadakan bacaan Yasin.

"Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, itu antara sumbangan dan bantuan secara tidak langsung yang boleh kita sumbangkan," ka-

tanya dalam kenyataan, semalam.

Pesawat Boeing 777-200ER yang dalam penerbangan ke Beijing dengan 227 penumpang dan 12 anak kapal hilang daripada imbasan radar, kira-kira sejam selepas berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) awal pagi Sabtu lalu.

Sepanjang enam hari lalu jumlah aset yang digunakan dalam operasi mencari pesawat itu membabitkan 42 kapal laut dan 35 pesawat dari Angkatan Tentera Malaysia serta angkatan tentera asing dari China, Amerika Syarikat, Vietnam, Thailand, Indonesia, Singapura, New Zealand, Australia serta India.

Ketua Pengarah Institut Ke-fahaman Islam Malaysia (IKIM) Datuk Nik Mustapha Nik Hassan berkata, umat Islam tidak boleh berputus asa, sebaliknya perlu berusaha dan berdoa.

"Doa itu senjata umat Islam dan kita wajib yakin ha-lal kita sumbangkan," ka-

asa. Teruskan berdoa dan bermunajatlal kepada Allah minta dipermudahkan segala usaha kita untuk menjejak pesawat MH370," katanya ketika dihubungi semalam.

Nyata, keprihatinan seluruh umat Islam negara ini untuk mendoakan yang terbaik bagi pesawat MH370 melalui solat hajat sentiasa diadakan sepanjang enam hari lalu, membabitkan pelbagai lapisan masyarakat.

Semalam, kira-kira 1,000 penjawat awam kerajaan negeri Melaka mengadakan solat hajat dan bacaan Yasin bagi memohon dipermudahkan usaha mencari MH370.

Solat diadakan di Dewan Seri Negeri pada sebelah pagi dengan diketuai Mufti Negeri Datuk Rashid Redha Md Saleh yang turut disertai Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Othman Muhammad dan Exco.

"Kita juga selaraskan semua masjid di Melaka untuk mengadakan solat hajat yang sama selepas solat Jumaat (hari ini)," kata Idris.


FAKTA
3,000 jemaah hadir pada majlis bacaan Yasin, doa selamat dan solat hajat anjuran MPB

Selain itu, kira-kira 3,000 jemaah menghadiri majlis bacaan Yasin, doa selamat dan solat hajat di Masjid Wilayah Persekutuan di Jalan Duta, dekat sini, malam tadi, bagi mendoakan kesejahteraan penumpang MH370.

Majlis anjuran Media Prima Berhad (MPB) itu diimamkan Imam Besar Masjid Wilayah Zakariah Isa dan turut hadir Pengerusi MPB Datuk Johan Jaaffar; Ketua Pegawai Eksekutif NSTP Mohammad Azlan Abdullah; Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen MPB Ahmad Izhom Omar dan Pengarang Urusan Kumpulan New Straits Times Press (NSTP) Datuk Abdul Jalil Hamid.

Di Nilai, Negeri Sembilan 300 pelajar dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menunaikan solat sunat Istisqa di Dataran Canselor USIM manakala di Kota Kinabalu, Sabah, 150 kakitangan daripada 24 jabatan dan agensi Persekutuan melakukan solat hajat bagi tujuan sama.

Program anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah itu diadakan di surau Kompleks Pentadbiran Persekutuan



JEMAAH wanita membaca Yasin selepas menunaikan solat hajat di KLIA, semalam.

Sabah di sini sejurus selepas solat Zuhur, semalam.

Ikhtiar melalui solat hajat turut dilakukan rakyat Malaysia di luar negara dan menurut laporan BERNAMA, puluhan pelajar serta warga Malaysia mengadakan solat hajat di Queens University, Belfast, United Kingdom dan di St Andrew Multi-Purpose Hall, anjuran Persatuan Pelajar Malaysia Sheffield.

Di Korea Selatan, Persatuan Pelajar Malaysia mengadakan solat hajat malam Selasa lalu di empat universiti, Korea University, Sungkyunkwan University, Inha

University dan Seoul National University.

Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz turut berharap semua rakyat bersatu dalam menghadapi insiden ini dengan mengetepikan fahaman politik masing-masing.

"Tiada sempadan bagi umat Islam untuk berdoa kepada Allah. Tidak kisah siapa anjur solat hajat baik BN (Barisan Nasional) atau pembangkang sekali pun, siapa saja boleh sertainya," katanya di lobi Parlimen, semalam.